

Didik Anak Jangan Sampai Mendera

Oleh: Najihah binti Mohd Notfi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 16 Julai 2021

Perasaan terkejut berbaur sedih apabila membaca laporan berita luar negara tentang seorang kanak-kanak dihukum oleh bapanya dengan cara yang kejam atas alasan mendidik.

Disebabkan anaknya mencuri, anaknya diikat di atas bumbung rumah dan dilumur dengan madu supaya dihurung lebah dan serangga. Adakah patut cara didikan seperti ini digunakan?



Gambar hiasan

Anak-anak adalah anugerah Allah SWT yang amat bernilai. Anak-anak juga ibarat kain putih, maka ibu bapalah yang akan mencorakkan kain tersebut dengan cara yang betul atau sebaliknya.

Mendidik anak sejak kecil amat penting. Bak kata pepatah Arab yang bermaksud, “Mendidik anak ketika kecil umpama mengukir di atas batu, mendidik anak ketika dewasa ibarat mengukir di atas air.”

Walau bagaimanapun, janganlah mendidik dengan kaedah hukuman yang melampau sehingga mengakibatkan anak-anak didera tanpa kita sedari.

Luqman al-Hakim sering dijadikan contoh bagi umat Islam dari segi mendidik dan menasihatkan anak-anak dengan cara yang penuh kebijaksanaan.

Allah SWT berfirman dalam surah Luqman ayat 17 yang bermaksud, “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang

menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

Melihat kepada penggunaan frasa ‘Wahai anak kesayanganku’ dalam ayat ini, jelas kelihatan bahawa Luqman menasihati dan mendidik anaknya dengan cara yang sangat lembut.

Dalam mendidik anak-anak juga, tidak perlulah kita menggunakan cara yang kasar atas alasan ingin menghukum kesalahan mereka. Bahkan Rasulullah SAW sendiri tidak pernah berlaku kasar kepada sesiapaupun apatah lagi anak-anak.

Ini bertepatan dengan hadis Riwayat Muslim yang bermaksud, “Aishah RA berkata bahawa Rasulullah SAW tidak pernah sesekali memukul seseorang pun dengan tangannya dan kepada wanita (isterinya atau wanita lain) serta khadamnya melainkan untuk berjihad di jalan Allah (menegakkan agama Allah SWT).

Selain itu, dalam aspek mengubah kelakuan anak yang buruk, Imam al-Ghazali turut menekankan bahawa anak-anak yang sering dimarahi, dipukul dan didenda dengan cara yang melampau akan menyimpan perasaan dendam terhadap ibu bapa mereka.

Oleh itu, perkara ini perlu dielakkan supaya sikap memberontak atau perasaan memusuhi ibu bapa dapat dihindarkan.

Islam sangat mencintai kedamaian. Memang benar, hukuman terhadap anak-anak itu perlu dan sangat wajar untuk mendidik mereka.

Namun, Islam telah menetapkan syarat jika ingin menjatuhkan hukuman kepada anak-anak. Antara syarat tersebut adalah jangan tergesa-gesa, elakkan menghukum dalam keadaan marah, tidak memukul anak ketika berusia kurang 10 tahun dan tidak membahayakan anak ketika hukuman dijalankan.

Justeru, setiap ibu bapa perlu menitikberatkan cara didikan anak yang betul untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini terjadi.

Islam telah menetapkan pelbagai panduan dan cara dalam mendidik berdasarkan dua sumber teras yang utama iaitu al-Quran dan hadis.

Maka, didiklah anak-anak sesuai dengan panduan yang telah ditetapkan oleh Islam supaya kita dapat membentuk keluarga yang harmoni dan sejahtera.